

BAHAYA ARAK : IBU SEGALA JENAYAH

Oleh :
Bahagian Maktabah
Jabatan Mufti Negeri Perak

Pendahuluan

Menurut perspektif Islam, arak merujuk kepada segala jenis minuman atau bahan yang memabukkan tanpa mengira sumber atau cara penghasilannya, sama ada daripada anggur, kurma, bijirin mahupun bahan moden yang diproses melalui teknologi tertentu. Dalam hal ini, Islam menetapkan prinsip yang jelas bahawa setiap perkara yang memabukkan adalah termasuk dalam kategori arak yang diharamkan. Prinsip ini menunjukkan bahawa Islam tidak terikat dengan jenis tertentu sahaja tetapi mengambil pendekatan menyeluruh dalam menutup segala pintu yang boleh membawa kepada kerosakan akal.

Pengharaman arak dalam Islam berlaku secara berperingkat menunjukkan hikmah syariat dalam mendidik masyarakat. Pada peringkat awal, Allah SWT menyebut bahawa terdapat sedikit manfaat pada arak tetapi dosanya lebih besar iaitu pada Surah al-Baqarah, ayat 219. Kemudian, umat Islam dilarang mendekati solat dalam keadaan mabuk pada Surah al-Nisa, ayat 43. Akhirnya, turun ayat yang mengharamkan arak secara mutlak melalui firman Allah SWT pada Surah al-Ma'idah, ayat 90 :

Dalil Pengharaman Arak

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

Ayat ini bukan sahaja mengharamkan arak bahkan dengan menggunakan lafaz “jauhilah” yang membawa maksud menjauhkan diri daripada sebarang bentuk keterlibatan dengannya.

Selain dalil daripada al-Quran, pengharaman arak turut ditegaskan melalui hadis Nabi SAW. Baginda bersabda:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكِرَ فَهُوَ حَرَامٌ

“Semua yang memabukkan adalah haram.” Riwayat Bukhari (5263) dan Muslim (2001)

Diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA :

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحُمْرِ عَشْرَةَ : عَاصِرَهَا، وَمُعْتَصِرَهَا،
وَشَارِبَهَا، وَحَامِلَهَا، وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ، وَسَاقِيَهَا، وَبَائِعَهَا، وَآكِلَ ثَمَنِهَا، وَالْمُشْتَرِي
لَهَا، وَالْمُشْتَرَاةَ لَهَا

Rasulullah SAW melaknat dalam isu arak ini 10 golongan: “Pemerah (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya.” Riwayat Imam al-Tirmidzi (1295)

Hadis ini menjadi asas penting dalam menentukan hukum terhadap pelbagai jenis bahan moden yang memabukkan seperti dadah.

Dalam konteks semasa, kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu mabuk semakin meningkat, sering dilaporkan di dalam media sehingga meragut nyawa mangsa yang tidak bersalah. Tindakan memandu dalam keadaan mabuk menunjukkan hilangnya kewarasan akal dan pertimbangan, sekali gus meletakkan nyawa sendiri dan orang lain dalam keadaan bahaya. Dalam Islam, perbuatan ini bukan sahaja berdosa kerana mengambil arak, bahkan boleh membawa kepada dosa yang lebih besar iaitu menyebabkan kematian manusia tanpa hak.

Beberapa Aplikasi Kaedah Fiqh

Allah berfirman di dalam al-Quran pada Surah al-Isra' ayat 33 :

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar.”

Ayat ini menunjukkan betapa tinggi nilai nyawa manusia dalam Islam. Dalam situasi kemalangan akibat pemandu mabuk, walaupun ia berlaku tanpa niat membunuh, kecuaiian tersebut tetap dianggap sebagai satu kesalahan yang besar kerana berpunca daripada perbuatan yang haram. Prinsip fiqh menyebut bahawa setiap perbuatan yang membawa kepada kemudharatan hendaklah dicegah, selaras dengan kaedah: (الضرر يزال) “Kemudharatan hendaklah dihilangkan”.

Lebih membimbangkan lagi, terdapat kes di mana mangsa tidak bersalah seperti pejalan kaki, penunggang motosikal atau pengguna jalan raya lain terbunuh atau cedera akibat tindakan tidak bertanggungjawab individu yang mabuk. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesan arak bukan sahaja merosakkan individu itu sendiri bahkan turut memberi impak besar kepada masyarakat. Ia membawa kepada kehilangan nyawa, trauma kepada keluarga mangsa serta menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat awam.

Dari sudut maqasid syariah, perbuatan memandu dalam keadaan mabuk adalah bercanggah dengan prinsip (حفظ النفس) menjaga nyawa dan (حفظ العقل) menjaga akal. Islam menutup segala jalan yang boleh membawa kepada kerosakan ini dengan mengharamkan arak serta semua perkara yang memabukkan. Bahkan, Allah turut melaknat semua pihak yang terlibat dengan arak serta menunjukkan betapa seriusnya perkara ini dalam syariat.

Dalam menangani isu arak, Islam tidak hanya bergantung kepada larangan semata-mata, tetapi turut menggariskan pendekatan yang menyeluruh. Antaranya, pendidikan dan kesedaran merupakan langkah utama dalam membentuk kefahaman masyarakat tentang bahaya arak daripada sudut agama, kesihatan dan sosial. Penguatkuasaan undang-undang juga memainkan peranan penting sebagai langkah pencegahan dan kawalan terhadap penyalahgunaan arak. Dalam masa yang sama, Islam menekankan aspek pemulihan dengan membuka ruang taubat kepada individu yang terlibat dengan perkara ini. Konsep taubat dalam Islam memberi peluang kepada seseorang untuk kembali kepada jalan yang benar dengan penuh keinsafan dan harapan kepada keampunan Allah SWT.

Saranan dan Kesimpulan

Isu arak dan mabuk bukan lagi sekadar pelanggaran hukum individu, tetapi telah menjadi ancaman serius kepada keselamatan masyarakat. Kes-kes kemalangan maut akibat pemandu mabuk membuktikan bahawa larangan arak dalam Islam mempunyai hikmah yang besar dalam memelihara nyawa manusia. Oleh itu, setiap individu hendaklah menjauhi arak sepenuhnya serta berperanan dalam mendidik masyarakat agar memahami bahawa satu kelalaian akibat mabuk boleh membawa kepada kehilangan nyawa yang tidak ternilai.

Di samping itu, pihak bertanggungjawab perlu memperincikan dan memperkukuhkan kajian berkaitan hukuman terhadap individu yang memandu dalam keadaan mabuk. Ini termasuk menilai keberkesanan hukuman sedia ada seperti denda, penjara dan penggantungan lesen serta mempertimbangkan pendekatan yang lebih tegas dan berkesan bagi memberi kesedaran dan mencegah kesalahan berulang. Kajian yang menyeluruh juga penting untuk memastikan hukuman yang dikenakan bersifat adil, mendidik serta benar-benar mampu mengurangkan risiko kepada masyarakat. Sekiranya kematian melibatkan ketua keluarga, tambahan hukuman denda dengan jumlah tertentu perlu dikenakan untuk pembelaan tanggungan dan anak-anak mangsa. Semoga Allah SWT memelihara kita semua daripada perkara yang memudaratkan dan memberi kekuatan untuk istiqamah dalam mentaati perintah-Nya.

Tarikh : 2 April 2026

No Siri : 5/2026